

12 MAY 2003

MIC-Rangkuman/I

PERUBAHAN IMEJ DAN PEMILIHAN CWC JADI TUMPUAN

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Perubahan imej kaum India dan pemilihan seorang wanita menganggotai jawatankuasa kerja pusat (CWC) mencuri perhatian sepanjang dua hari berlangsungnya perhimpunan agung MIC ke-57 yang berakhir di sini semalam.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu menetapkan tempo perhimpunan itu apabila memberitahu kira-kira 5,000 anggota parti yang hadir mengenai perlunya masyarakat India mengubah identiti dan membaiki imej agar setanding dengan kaum lain di negara ini.

Berucap pada perhimpunan itu, beliau berkata masyarakat India perlu mengubah corak pemikiran dan membuang "imej estetik dan tidak berpelajaran" yang menjadi stigma masyarakat itu sekarang.

Menteri Kerja Raya itu mahu mereka berubah menjadi masyarakat India baru iaitu masyarakat yang ciri-cirinya ialah mereka lebih cergas, kuat bekerja, berdikari dan berpelajaran.

Perwakilan sebanyak 1,497 yang hadir bukan sahaja menyokong idea itu tetapi menerusi perbahasan yang berjalan, ternyata mereka mahukan ia segera menjadi kenyataan.

Perhimpunan itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sabtu.

"Mereka sangat reseptif. Mereka juga ingin mengetahui bagaimana kita dapat mencapai imej baru itu. Saya gembira dengan sambutan terhadap usaha itu," kata seorang pemimpin parti kepada pemberita selepas berakhirnya perhimpunan itu semalam.

Para pemerhati berpendapat usaha presiden MIC itu sebagai tepat pada masanya dan perlu dilaksanakan jika masyarakat India Malaysia mahukan perhatian serius daripada kerajaan.

"Jika kita dikenali sebagai penoreh getah dan masyarakat tidak berpelajaran, siapapun tidak akan memberi perhatian serius kepada kita. Kita perlu dikenali sebagai golongan profesional. Dengan itu baru kita boleh meminta kepada pihak berkuasa apa-apa yang boleh membantu memajukan masyarakat," kata seorang pemerhati.

Sementara imej baru itu menjadi matlamat jangka panjang parti, perhimpunan itu turut menyaksikan seorang "pemberontak" terpilih sebagai anggota CWC walaupun terpaksa bersaing dengan kumpulan yang dikenali sebagai orang presiden.

G. Vimalahthavi yang mendapat lebih 1,000 undi menduduki tempat ke-18 daripada senarai 33 calon untuk terpilih sebagai salah seorang daripada 23 anggota CWC.

Sejurus selepas pencalonan, Samy Vellu mengumumkan senarai 23 anggota CWC yang beliau mahukan dan nama Vimalahthavi tidak berada dalam senarai itu.

Kumpulan 23 yang disenaraikan telah dibawa ke seluruh negara oleh presiden parti untuk diperkenalkan kepada perwakilan.

Ketua MIC Cawangan Kelana Jaya yang berumur 50 tahun itu dianggap tidak mempunyai peluang langsung tambahan pula beliau tidak menduduki sebarang jawatan dalam Wanita MIC.

Vimalahthavi bagaimanapun mencipta kejutan dan orang presiden yang menjadi mangsa ialah Datuk M. Sundram dari Negeri Sembilan.

Apabila pencalonan ditutup pada 1 Mei, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk S. Subramaniam mengekalkan jawatan timbalan presiden tanpa tanding bersama dengan tiga naib presiden

iaitu Datuk S. Veerasingham, Datuk G. Palanivel dan Tan Sri K.S. Nijhar.

Kerusi Naib Presiden pada mulanya hampir menyaksikan pertandingan tetapi anggota kanan CWC, Datuk V.K.K. Teagarajan menarik diri pada saat-saat akhir.

Teagarajan berbuat demikian selepas "dipujuk" Samy Vellu.

Pada perhimpunan itu, Teagarajan dilantik sebagai ketua penerangan MIC dan anggota CWC oleh Samy Vellu. Presiden parti berhak melantik lima anggota tambahan CWC mengikut perlembagaan.

Menurut sumber dalaman parti, jawatan itu dijanjikan kepada Teagarajan yang menarik diri daripada pertandingan merebut jawatan naib presiden, namun pandangan itu tidak dapat disahkan.

"Jika dia (Teagarajan) bertanding, dia boleh mengancam kedudukan Nijhar. Presiden perlu mengekalkan perpaduan. Nijhar adalah wakil kepada kumpulan yang berasal dari India utara dan beliau juga penting kepada parti," kata seorang perwakilan.

Walaupun perpaduan dianggap penting, ada kalangan perwakilan yang berpendapat presiden sepatutnya membenarkan semua jawatan dipertandingkan agar pemimpin yang jujur dan kuat bekerja dipilih menggantikan sesetengah pemimpin yang hanya "duduk memanasakan kerusi".

"Apabila anda menghalang seseorang itu bertanding dan memberikannya jawatan, orang itu akan kehilangan kredibiliti, bukan sahaja dikalangan penyokongnya tetapi tidak akan dihormati oleh para perwakilan. Teagarajan tidak akan mendapat perhatian serius jika dia berhasrat bertanding pada masa depan kerana tidak mempunyai pendirian tetap," kata seorang perwakilan.

Ada perwakilan yang berpendapat Samy Vellu tidak seharusnya campur tangan dalam pemilihan CWC kerana pemilihan itu wajar ditentukan oleh pemimpin peringkat akar umbi yang dapat membuat penilaian daripada sudut yang berbeza.

Seorang pemimpin kanan parti yang enggan dikenali berkata pemimpin akar umbi mahukan pemimpin kebangsaan yang boleh duduk berbincang bersama mereka tidak kira sekecil mana isu itu.

Mereka tidak mahu pemimpin yang datang dengan kereta mewah hanya kerana sesuatu majlis itu dihadiri oleh presiden dan selepas itu menghilangkan diri, katanya.

"Perbuatan memaksa ketua-ketua cawangan dan bahagian memilih pemimpin adalah satu kesilapan. Demokrasi dalam MIC sepatutnya bukan sahaja dapat dilihat dan menjadi amalan tetapi ia patut berjalan dengan adil dan saksama demi kepentingan semua," kata seorang perwakilan lain.

-- BERNAMA

SR AHH MOZ